

BAB III

KEPIMPINAN DR. MAHATHIR MOHAMAD

“That I am still here is an achievement,”
Dr. Mahathir Mohamad dalam *Asiaweek*, 9 Mei
1997.

3.1 Definisi

Kepimpinan merupakan salah satu aspek yang terpenting dalam menentukan samada sesebuah negara itu berjaya mencapai matlamat yang hendak dicapainya. Walaupun terdapat banyak definisi kepimpinan namun bagi kajian ini kepimpinan dimaksudkan sebagai “*the behaviour of an individual while he is involved in directing group activities*”.¹ Oleh itu kajian ini akan cuba memaparkan gelagat kepimpinan domestik dan antarabangsa Dr. Mahathir. Sebagai seorang pemimpin politik dan seorang intelektual Dr. Mahathir telah memberikan kesan yang amat besar² ke atas landskap politik Malaysia bagi tempoh 1981-1995. Dalam menganalisis kepimpinan Dr. Mahathir penulis membahagikan aspek yang hendak ditinjau kepada dua iaitu kepimpinan domestik dan kepimpinan antarabangsa.

3. 2 Kepimpinan Domestik

Ditinjau dari sudut kepimpinan domestik Dr. Mahathir, penulis memilih tiga aspek yang perlu diuraikan. Aspek-aspek tersebut ialah pertamanya ciri-ciri

¹ Bernard M. Bass dipetik dalam Barbra Kellerman, (ed), *Leadership- Multidisciplinary Perspectives*, (New Jersey: Prentice Hall, Inc., 1984), m.s. 70.

² Mengikut Profesor Firdaus Abdullah, “As a politician he can never run away from the realities of power game’. i.e. to seek, maintain and exercise power. But as an intellectual he never stopped questioning existing realities and exploring new ideas. And all these elements made him a ‘visionary ‘ who envisages things far ahead, beyond the existing realities and exploring new ideas ”. Lihat Firdaus Haji Abdullah, “The Prime Ministers Of Malaysia”, dalam *Malaysian Development Experience-Changes and Challenges*, (Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration, 1994), m.s. 318.

kepimpinan Dr. Mahathir, kedua Dr. Mahathir sebagai pemimpin UMNO dan ketiga Dr. Mahathir sebagai Pengerusi Barisan Nasional dan Perdana Menteri Malaysia. Ciri-ciri kepimpinan perlu diketahui sebelum kita dapat memahami kenapa Dr. Mahathir mempunyai gaya kepimpinan yang tersendiri dalam melaksanakan dasar-dasar negara. Seterusnya pembahagian dibuat di antara beliau sebagai Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional kerana beliau memperlihatkan perbedaan yang nyata.

3.2.1. Ciri-ciri kepimpinan Dr. Mahathir

Semenjak memegang tumpuk pemerintahan negara pada tahun 1981 Dr. Mahathir telah memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan politik beliau melalui tindakan-tindakan yang telah dilakukan dalam tempoh tersebut. Didapati ciri-ciri yang mewarnai kepimpinan beliau terdiri daripada empat iaitu *pertamanya beliau berpendapat bahawa kepimpinan akan menentukan kejayaan sesebuah negara. Kedua pemimpin mestilah mempunyai idea yang luar biasa, yang ketiga orang-orang bawah tidak digalakkan mempersoalkan sesuatu keputusan sebaliknya melaksanakan dengan penuh ketekunan untuk kejayaan dan yang keempat ialah nilai-nilai positif dan bukan bangsa yang menentukan kejayaan.*

Mengikut ciri yang pertama beliau sangat percaya bahawa kepimpinan akan menentukan kejayaan sesebuah negara.³ Namun beliau juga berpendapat dalam demokrasi, kepimpinan itu sebenarnya bertentangan dengan prinsip asas demokrasi. Ini kerana demokrasi mahukan pemimpin mengikuti suara ramai tetapi Dr. Mahathir sebaliknya berpendapat pemimpin yang mengikuti suara ramai adalah seorang opportunis dan pengecut.

³ Ucapan Dr. Mahathir Mohamad, dipetik dalam Govin Alagasari, *Mahathir -The Awakening* (Labuan: Uni-Strength Sdn. Bhd., 1994), m.s. 293.

Dalam hubungan ini Dr. Mahathir berpegang kepada falsafah bahawa jika beliau yakin bahawa sesuatu dasar atau tindakannya itu betul dan baik maka beliau tidak perlu mengikuti pandangan atau kemahuan golongan majoriti. Untuk itu petikan kenyataan Dr. Mahathir berikut amat relevan:

“pemimpin yang semata-mata menurut bukanlah pemimpin sebenarnya. Ia merupakan opportunis yang cuba menggunakan pendapat ramai untuk mendapat tempat bagi dirinya ... *Pemimpin yang berguna dalam demokrasi mestilah memimpin disamping menurut..* Pemimpin muncul kerana mereka mempunyai kebolehan yang lebih daripada yang lain.. Pemimpin yang tidak berani pegang kepada apa yang diketahuinya adalah baik tetapi cuma menyesuaikan dirinya adalah pengecut”.⁴

Ciri kepimpinan Dr. Mahathir yang kedua ialah pemimpin yang mempunyai idea yang setaraf dengan orang biasa tidak layak menjadi pemimpin.⁵ Dalam hubungan ini jika diperhatikan sepanjang enam belas tahun yang lalu Dr. Mahathir telah melakukan banyak tindakan yang di luar daripada kebiasaan berbanding dengan pemimpin-pemimpin Malaysia yang terdahulu.

Semenjak tahun 1981, dasar-dasar atau langkah luar biasa beliau berkaitan dengan ekonomi di antaranya ialah Dasar Pandang ke Timur, Dasar Industri Berat, Pelan Induk Perindustrian- *PIP-IMP*, menukuhkan Pusat Kewangan Pesisir Pantai Labuan-*IOPC*, melaksanakan Dasar Penswastaan, menjalankan projek-projek mega seperti Empangan Bakun, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur- *KLIA* dan Wawasan 2020⁶. Dalam sektor awam beliau telah mereformasikan sistem

⁴ Ucapan Dr. Mahathir Mohamad bertajuk “Kepimpinan Pemimpin” dalam, A. Karim Haji Abdullah, *Perjuangan Suci UMNO- Cetusan Pemikiran Pemimpin-Pemimpin UMNO*, (Kuala Lumpur: Goodmark Enterprise, 1993), m.s. 82.

⁵ *Berita Harian* , 25 Ogos 1993.

⁶ Dasar Wawasan 2020 jelas pada awalnya seolah-olah terlalu mengutamakan aspek pembangunan ekonomi semata-mata. Walau bagaimanapun wawasan Dr. Mahathir telah mendapat banyak pujian di peringkat antarabangsa umpamanya “*Prime Minister Mahathir Mohamad's policy initiatives in the 1990's were package in his vision 2020, which set the eye -catching target of raising Malaysian living standards to industrial country levels by 2020.*” dipetik dalam, *World Development Report 1997- The State in A Changing world*, (Washington ,D. C., :Oxford University Press, 1997), m.s. 155.

perkhidmatan awam dengan melaksanakan sistem kad perakam waktu, kepimpinan melalui teladan, melaksanakan Sistem Saran Baru, pelaksanaan sistem belanjawan baru iaitu “*Modified Budgeting System-MBS, Quality Control Circle, Total Quality Management*” dan kerajaan elektronik dalam perkhidmatan awam Malaysia. Semua reformasi itu dilakukan sebagai tindakbalas kepada ketidak pastian global “*global uncertainties*” dan untuk membantu peranan sektor swasta Malaysia.⁷

Selanjutnya dibidang sains pula ialah pengeluaran kereta nasional pertama Proton dan kedua iaitu Perodua, penubuhan Kulim *Hi-Tech Park*, Taman Teknologi Malaysia dan penglibatan dalam industri *aerospace*. Dalam bidang teknologi maklumat- *IT* pula ialah penubuhan Koridor Raya Multi Media- *MSC*, pembinaan bandar cyberjaya, dan pelancaran satelit Malaysia *MEASAT*. Akhirnya dalam aspek kerjasama sektor kerajaan dan swasta ialah Dasar Persyarikatan Malaysia dan mulai Julai 1995 ialah Dialog Antarabangsa Langkawi-⁸ *Langkawi International Dialogue-LID* yang bertujuan menggalakkan perkongsian pintar di antara pemimpin-pemimpin politik atau kerajaan dengan tokoh-tokoh koperat dari serata dunia.⁹

Jika dianalisis secara mendalam ke atas tujuan pelaksanaan dasar-dasar di atas didapati sebenarnya beliau cuba menerapkan unsur **meritokrasi dalam kehidupan rakyat Malaysia**. Tindakan -tindakan yang telah dan sedang diambil itu selaras dengan ciri yang kedua di atas iaitu idea-idea beliau adalah benar-benar luar biasa.

⁷ Zulkurnain Hj. Awang, “Response of Public Administration System of Malaysia To Global Challenges” dalam Sirajuddin H. Salleh dan Ledivina V. Carino (ed), *Globalization and The ASEAN Public Sector*, (Kuala Lumpur: Asian And Pacific Development Centre, 1995), rm.s. 196.

⁸ Abdul Aziz Abdul Rahman dan Sumanggala Pillai, *Mahathir, Leadership and Vision in Technology*, (Serdang: Academy of Sciences Malaysia, University Pertanian Malaysia, 1996), m.s. 108.

⁹ Lihat juga “Ketua Kerajaan, Koperat Bincang Pengalaman” *Berita Harian*, 25 Julai 1997.

Ciri kepimpinannya yang ketiga ialah beliau amat mengutamakan kesungguhan pihak pelaksana yang diamanahkan melakukan sesuatu tugas. Oleh itu Dr. Mahathir tidak gemar apabila ada pihak yang mempersoalkan samada sesuatu keputusan atau dasar beliau itu *viable* atau tidak. Penulis menghujahkan sedemikian setelah menganalisis satu kenyataan beliau yang berbunyi:

*"When one makes a decision, even a bad one, there can be good effect if properly carried out. So I make decisions which may be good or bad but what is important is, it should be carried out in a way that would produce results."*¹⁰

Dr. Mahathir sangat percaya kepada kekuatan dan keupayaan manusia. Oleh itu kejayaan akan hanya menjadi milik orang-orang yang tekun berusaha dalam apa sahaja usaha yang mereka lakukan. Dalam hubungan ini jika beliau membuat sesuatu dasar atau keputusan mengenai apa sahaja isu atau perkara, beliau mahukan mereka yang dipertanggungjawabkan samada ahli parti, pegawai kerajaan, dan rakyat seluruhnya mestilah melaksanakan sesuatu tugas dengan penuh komitmen.

Selanjutnya Dr. Mahathir berpendapat seandainya orang yang dipertanggung-jawabkan itu gagal mencapai matlamat yang beliau tetapkan maka, merekalah yang bersalah dan bukan pembuat keputusan iaitu Dr. Mahathir. Dengan ciri kepimpinan yang sedemikian maka *beliau berjaya mengatasi segala masalah yang dihadapi oleh Malaysia. Ini kerana ciri yang sebegitu membawa erti bahawa dalam banyak keadaan pemimpin bebas membuat apa sahaja keputusan.* Contoh yang jelas ialah dalam kes skandal BMF di Hong Kong di mana kerugian yang besar itu, pada pandangan Dr. Mahathir disebabkan oleh masalah kejatuhan harga harta tanah di Hong Kong.¹¹ Begitu juga dalam kes kerugian beribu juta yang dialami oleh Perwaja Steel

¹⁰ Dr. Mahathir Mohamad, dipetik dalam Govin Alagasari, *Mahathir- The Awakening* (Labuan:Uni-Strength Sdn. Bhd. 1994), m.s. 257.

¹¹ Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, op.cit. m.s. 233.

yang dianggap sebagai BMF II?¹² didapati sehingga hari ini Dr. Mahathir seolah-olah tidak dapat menerima hakikat bahawa keputusan beliau melantik Eric Chia untuk mengetuai organisasi perusahaan berat negara itu adalah tidak berapa tepat.

Daripada dua peristiwa malang yang dialami oleh negara itu didapati tanggungjawab daripada pentadbiran Dr. Mahathir dipindahkan kepada golongan pelaksana iaitu samada ketua eksekutif, lembaga pengarah atau keadaan pada sesuatu ketika yang menyebabkan skandal itu terjadi. Kecenderungan untuk memaksa orang bawah melaksanakan sesuatu keputusan tanpa memberi ruang yang cukup untuk perbincangan adalah ciri kepimpinan Dr. Mahathir . Dengan itu Dr. Mahathir seolah-olah melepaskan kesalahan kepada pihak lain iaitu pelaksana jika kerajaan menemui kegagalan dan menerima pujian jika sesuatu kejayaan dicapai merupakan satu fenomena yang telah dan sedang berlaku di Malaysia hari ini. Oleh yang demikian aspek-aspek ketelusan dan akauntabiliti oleh pemerintah merupakan dua isu utama yang terdedah kepada pengkritik-pengkritik Dr. Mahathir.

Ciri kepimpinan Dr. Mahathir yang terakhir ialah beliau percaya nilai-nilai positif dan bukannya bangsa yang menentukan sesuatu kejayaan.¹³ Nilai positif utama yang beliau cuba terapkan ialah *kaizen* atau perasaan tidak pernah berpuashati dengan sesuatu tugas yang dijalankan. Ciri di atas telah memberi kesan yang besar kepada perkembangan politik Malaysia. Ini kerana Dr. Mahathir pada hakikatnya secara halus **telah dan sedang menanamkan nilai-nilai meritokrasi dalam masyarakat Malaysia**. Ekoran daripada kepercayaan tersebut dasar-dasar

¹² Lihat *Aliran Monthly*, 1996: 16 (3) , m.s. 20-21., "Perwaja mengalami kerugian sebanyak lebih daipada RM 3 billion. Perwaja juga telah mengambil pinjaman bank terkumpul sebanyak RM 7 billion yang belum dibayar." Lihat *Aliran Monthly* 1997: 17 (5) m.s. 17.

¹³ Dr. Mahathir Mohamad dalam *National Seminar -Towards A Developed and Industrialized Society, Understanding The Concept Implications and Challenges of Vision 2020* , (Kuala Lumpur: Socio-Economic Research Unit, 1992), m.s. 99.

pro-Melayu beliau semakin hari semakin dihakis¹⁴ selari dengan usaha beliau untuk merealisasikan Malaysia sebagai negara maju dalam era persejagatan. Era ini menuntut supaya nilai yang terpenting bagi sesebuah negara ialah kemampuan melakukan atau mengeluarkan sesuatu keluaran atau perkhidmatan yang kompetitif dan bertaraf dunia. Kepercayaan inilah yang mendasari pergerakan kepimpinan Dr. Mahathir yang membawa dasar “*Malay Malaysia*” kepada “*Malaysian Malaysia ala Dr. Mahathir*”.

3.2.2 *Dr. Mahathir Sebagai Presiden UMNO*

Bermula dari tahun 1981 Dr. Mahathir telah melaksanakan pelbagai pembaharuan di Malaysia pada amnya dan kepada orang Melayu melalui UMNO khasnya.¹⁵ Semua langkah yang diambilnya berkait rapat dengan usahanya untuk terus memegang kuasa kerana hanya melalui kuasa sahajalah beliau dapat memastikan apa yang dikehendakki olehnya dilaksanakan oleh agensi pelaksana. Dalam usaha beliau mencapai hasratnya itu Dr. Mahathir telah menghadapi empat cabaran utama iaitu dua masalah dalaman dan dua masalah luaran UMNO.

Dua masalah dalaman UMNO ialah isu perebutan kuasa dan politik wang¹⁶ yang kedua-duanya hampir menghancurkan UMNO. Sementara itu dua masalah luaran UMNO yang terpaksa beliau hadapi ialah halangan dari sistem feudal iaitu

¹⁴ Kehakisan itu berpunca daripada perlaksanaan dasar bahasa yang terlalu liberal. Buktinya ialah pemerintah telah memberikan lesen kepada pihak swasta untuk mendirikan pusat pengajian tinggi yang bahasa pengantaranya ialah Bahasa Inggeris. Lebih dari itu Universiti Telekom misalnya menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan mengambil 30 peratus pelajar Melayu manakala 70 peratus lagi adalah bukan Melayu. Lihat *Berita Harian*, 22 Julai 1997.

¹⁵ Analisis terhadap gelagat kepimpinan awal Dr. Mahathir dapat dilihat dalam Chamil Wariya, *Siapa Kuasai UMNO* (Petaling Jaya: Media Intelek Sdn. Bhd., 1985), terutamanya halaman 201-217.

¹⁶ Dr. Mahathir Mohamad, *Pemimpin dan Kepimpinan*, (Kuala Lumpur:Ibu Pejabat UMNO, 1996) m.s. 11.

raja-raja Melayu dan badan kehakiman yang seolah-olah memihak kepada pembangkang.

3.3 Isu-isu Kepimpinan Yang Utama

Dr. Mahathir ialah seorang pemimpin UMNO yang ingin menjadikan Malaysia mencapai kemajuan yang sama tarafnya dengan negara-negara maju di dunia. Dalam membincangkan isu kepimpinan Dr. Mahathir, **enam sifat** beliau sangat-sangat mempengaruhi dan mewarnai peristiwa yang berlaku di era kepimpinannya. Dr. Mahathir yang mewarisi kepimpinan UMNO daripada Hussein Onn pada tahun 1981, pertamanya memiliki sifat keintelektualan yang unggul. Ianya tergambar melalui tindakan beliau seperti mengarang surat kepada akhbar-akhbar tempatan, menulis tiga buah buku iaitu "*The Malay Dilemma*", **Panduan Peniaga Kecil, Menghadapi Cabaran**, dan "*The Voice of Asia*" yang dikarang bersama dengan pengarang kontroversial Jepun¹⁷ serta mengeluarkan pendapat dan berdebat yang berterusan walau dalam apa keadaan dan kedudukan sekalipun. Buktinya ketegasan beliau adalah konsisten dalam memperjuangkan apa yang beliau yakini semasa masih menjadi penuntut sekolah, di mana pada umur 16 tahun beliau telah menjadi aktivis politik¹⁸. Sikap sedemikian diteruskan apabila beliau memasuki kolej perubatan, sebagai ahli UMNO dan sebagai ahli parlimen biasa UMNO. Tradisi intelektual yang sedemikian masih dikekalkan semasa beliau disingkirkan dari UMNO dan seterusnya apabila kembali semula dalam UMNO dan mengetuai UMNO bermula dari tahun 1981 sehingga ke hari ini. Mengikut dua orang pengkaji :

¹⁷ Mahathir Mohamad and Shintaro Ishihara, *The Voice of Asia- Two Leaders Discuss The Coming Century*, (Tokyo:Kondansha International Ltd., 1995).

¹⁸ *Sunday Sun*, 27 July 1997.

*"Dr. Mahathir Mohamad has made thinking, conceptualising and planning his vocation. For over half a century , he has been expressing his thoughts, expounding his views and articulating his ideas and concepts on a wide range of subjects and interests. He started young."*¹⁹

Ekoran sifat keintelektualan dan kemahiran beliau berhujah semenjak usianya yang muda, maka dalam perhimpunan agung tahunan UMNO di era kepimpinan Dr. Mahathir di dapatucapan-ucapan para perwakilan yang mengambil bahagian selalunya dipenuhi oleh lawak jenaka, pantun seloka yang ringan dan disertai gelak ketawa dan kelakar. Keadaan yang sedemikian berlaku kerana pertamanya ketidakmampuan atau rasa kurang yakin perwakilan kepada diri masing-masing dalam menghadapi hujah-hujah Dr. Mahathir yang terlalu intelektual sifatnya. Keduanya ialah sifat "*soft-authoritarian*"²⁰ Dr. Mahathir yang memungkinkan perwakilan yang lantang akan menghadapi masa depan yang malap dalam hiraki kepimpinan parti. Mengikut seorang penganalisis lagi Dr. Mahathir juga mempunyai ciri-ciri "*anti-labour, authoritarian, nationalist and capitalist*"²¹

Sifat Dr. Mahathir yang kedua ialah beliau terlalu percaya kepada hakikat **bahawa hanya beliau sahaja yang layak untuk mengetuai UMNO dan mentadbir Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju yang dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju yang lain.** Lantaran itu beliau tidak mahu kedudukannya dicabar oleh mana-mana pemimpin yang lain kerana cabaran itu boleh mengancam kedudukan beliau sebelum citacitanya²² dapat direalisasikan.

¹⁹ Abdul Aziz Abdul Rahman dan Sumangala Pillai, *Mahathir- Leadership And Vision In Science And Technology*, (Serdang: Academy Of Sciences Malaysia and Universiti Pertanian Malaysia Press, 1996), m.s. ix.

²⁰ Istilah ini adalah dipinjam daripada Micheal R. J. Vatikiotis, Lihat buku karangan beliau, *Political Change in Southeast Asia - Trimming the Banyan Tree* (London: Routledge, 1996), m.s. 189.

²¹ Lihat Jomo K. S, *Growth and Structural Change in The Malaysian Economy*, (London :The Macmillan Press Limited, 1990), m.s. 201

²² Cita-cita Dr. Mahathir ialah untuk melihat Malaysia menjadi sebuah negara industri yang maju dengan acuan sendiri dan dihormati oleh negara-negara yang telah maju pada masa ini.

Ketiganya beliau adalah seorang yang liberal berdasarkan tindakan awal pentadbiran beliau dengan melakukan pertamanya membebaskan 21 orang tahanan politik²³ yang ditahan semenjak era Hussein Onn. Mereka di antaranya termasuklah Abdullah Ahmad, Samad Ismail, Syed Hussein Ali dan Kassim Ahmad. Kedua melonggarkan sekatan visa ke atas isteri -isteri yang terdiri dari orang-orang asing dan yang ketiga ialah pendekatan yang lebih terbuka terhadap peranan media.²⁴

Namun ia berubah apabila krisis kepimpinan dalam UMNO agak tegang dalam tahun 1987²⁵ akibat kritikan pedas oleh segolongan penentang Dr. Mahathir yang membawa kepada satu keadaan di mana beliau terpaksa menggunakan ISA untuk mengatasi masalah ketenteraman awam di Malaysia. Pada 27 Oktober 1987 polis telah menahan seramai 63 orang termasuk ahli-ahli politik kerajaan dan pembangkang Melayu dan Cina, aktivis “*interest groups*” yang mewakili organisasi Kristian, Persatuan Pendidikan Cina, kesatuan sekerja di bawah ISA. Pada masa yang sama Dr. Mahathir juga mengharamkan penerbitan akhbar-akhbar *The Star*, *Sin Chew Jit Poh*, dan *Watan* yang mana ketiga-tiganya agak bebas dalam melaporkan berita-beritanya.²⁶

Walau bagaimanapun sikap liberal yang ditunjukkan oleh Dr. Mahathir pada peringkat awal tersebut mengalami tahap gerhana buat beberapa ketika tetapi pendekatan liberal khasnya dalam isu hubungan kaum terus menjadi pegangan

²³ Lihat Sankaran Ramanathan and Mohd. Hamdan Adnan, *Malaysia's 1986 General Election-The Urban rural Dichotomy*, (Singapore: Institute of Southeast Asia Studies, 1988), m.s. 24.

²⁴ Dr. Mahathir dianggap penggerak industri penerbitan akhbar dan majalah. Untuk keterangan lanjut lihat Mohd Safar Hashim, *Mahathir dan Akhbar*, (Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. 1996), m.s. 8.

²⁵ Kritikan terhadap gaya kepimpinan pada waktu itu boleh dilihat dalam “Menentang Kemungkaran Politik dan Ekonomi” ucapan Tengku Razaleigh Hamzah bertarikh 19 April 1987 di Hotel Regent, Kuala Lumpur.

²⁶ Lihat, Gordon P. Means, *Malaysian Politics-The Second Generation*, (Singapore: Oxford University Press, 1991), m.s. 212-213.

beliau. Ia dapat dilihat melalui pelaksanaan dasar-dasar domestik yang liberal berkaitan dengan isu-isu sosial, budaya, bahasa dan ekonomi seperti yang diakui oleh Ketua Pembangkang Lim Kit Siang.²⁷

Sifat Dr. Mahathir yang keempat ialah beliau seorang pragmatik yang amat berminat dengan isu wang, kewangan, perniagaan dan kapitalisme. Mengikut Gomez Dr. Mahathir terkenal sebagai seorang yang mahukan “.... *the development of Malay capitalism through political patronage.*”²⁸ Dalam hubungan ini Dr. Mahathir muh melahirkan atau membentuk segolongan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera-MPPB. Beliau sangat yakin bahawa orang-orang Melayu boleh maju jika mereka mempunyai sikap yang betul serta pandai menguruskan wang. Sanjungan dan pujian yang beliau ungkapkan terhadap tokoh koperat Melayu yang dibentuk dengan bantuan Daim Zainuddin seperti Halim Saad, Tajudin Ramli, Rashid Hussein, Yahaya Ahmad, Wan Adli dan Wan Azmi umpamanya sudah cukup sebagai buktinya. Nilai kebendaan Dr. Mahathir itu telah meresap ke pusat-pusat pengajian tinggi di mana tokoh-tokoh yang sedemikian telah dianugerahkan dengan gelaran Tan Sri serta menjadi pilihan institusi pengajian tinggi untuk dianugerahkan dengan ijazah kedoktoran kehormat dengan harapan mereka menjadi tokoh unggul kepada para graduan dan masyarakat pada umumnya. Dalam hubungan ini jelaslah Dr. Mahathir telah memulakan langkah untuk membentuk dan kini berjaya melahirkan golongan kapitalis Melayu dengan bantuan orang-orang yang dipercayainya dan golongan itu menjadi penyokong kuat kepada Dr. Mahathir.

²⁷ Lihat Ucapan Lim Kit Siang bertajuk “Perjuangan DAP akhirnya diterima Barisan Nasional” dalam *Tamadun*, Mac 1996, m.s. 30-31.

²⁸ Lihat Edmund Terence Gomez, “Changing Ownership Patterns, Patronage And The NEP” dalam Muhammad Ikmal Said dan Zahid Emby (ed), *Malaysia -Pandangan Kritis, Esei Penghargaan untuk Syed Husin Ali*, (Petaling Jaya: Persatuan Sains Sosial Malaysia, 1996), m.s. 140.

Sifatnya yang terakhir ialah sangat sayang kepada kuasa dan mempunyai masalah ego.²⁹ Kecintaan kepada kuasa dan ego yang berlebihan seperti kata-kata beliau yang tidak mahu meletakkan jawatan walaupun menang satu undi dalam pemilihan tahun 1987 membuktikan Dr. Mahathir tidak rela kepimpinannya dicabar. Beliau mahu terus berkuasa untuk melaksanakan dasar-dasar yang pada pandangan beliau terlalu baik untuk negara majmuk ini yang mana pemimpin-pemimpin lain tidak mempunyai idea dan keupayaan yang hebat seperti beliau. Oleh itu bila satu *faction* pemimpin UMNO mencabar Dr. Mahathir dengan alasan beliau adalah seorang pemimpin yang sompong, otoritarian³⁰ dan tidak mahu mendengar pandangan rakan sejawatnya yang lain, menyebabkan krisis kepimpinan yang berlarutan di antara tahun 1986-1988³¹

Krisis itu akhirnya menyebabkan UMNO diisyiharkan sebagai sebuah pertubuhan yang tidak sah pada tahun 1988 dan digantikan dengan UMNO (Baru) dan serpihannya Semangat 46. Akibat pergeseran itu kedudukan Dr. Mahathir amat lemah sekali sehingga menimbulkan keadaan yang tegang dan ketenteraman awam tidak lagi wujud maka beliau bertindak secara “*repressive*” dengan menggunakan ISA dan menjalankan Operasi Lalang.³²

Berikutan krisis itu beliau sekali lagi memilih seorang timbalan yang kurang berkemampuan untuk mencabarnya iaitu Abdul Ghafar Baba. Kedudukan beliau

²⁹ Lihat, Marina Yusoff, *Time For Change*, (The Champ Sdn. Bhd., 1990) ,m.s. 97.

³⁰ Dalam hubungan ini kata Datuk Musa Hitam, “he is crass, rough and hard. This man pushes things down your throat.. the trouble with what is going on is simply this: What Dr. Mahathir wants, Dr. Mahathir gets.... It actually means one-man rule..” dipetik dari Khoo Boo Teik, *Paradox of Mahathirism-An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*, op.cit. m.s. 257.

³¹ Untuk analisis yang terperinci mengenai krisis kepimpinan ini lihat, Ahmad Atory Hussein, *Dimensi Politik Melayu 1980-1990- Antara Kepentingan dan Wawasan Bangsa*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), terutamanya halaman 186-189.

³² Kenyataan ini adalah berdasarkan tuduhan Tunku Abdul Rahman yang “... accused Mahathir of moving towards dictatorship and a police state by engineering the recent communal crisis to legitimise the arrests and bans and to bolster his position against Team B.” Lihat, *Tangled Web* (Haymarket, New South Wales: Committee Against Repression in the Pacific and Asia, 1988), m.s. 25.

adalah selamat buat sementara waktu. Walau bagaimanapun dalam tahun 1993, Dr. Mahathir seolah-olah menyokong pasukan wawasan yang diketuai oleh Anwar Ibrahim untuk menentang Abdul Ghafar Baba. Akibat kemenangan pasukan wawasan maka sekali lagi cabaran terhadap kepimpinan Dr. Mahathir timbul. Ini adalah kerana peningkatan penguasaan oleh apa yang dikenali sebagai ‘pasukan wawasan’ ke atas UMNO maka pasukan wawasan dikatakan mampu memberi cabaran yang *credible* kepada kepimpinan Dr. Mahathir. Sekali lagi dengan alasan untuk mengelak perpecahan dalam UMNO, beliau berjaya memujuk dan meyakinkan perwakilan UMNO supaya mengelakkan pertandingan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1996.

Walau apa pun krisis dan cabaran melanda UMNO khasnya dalam isu kepimpinan, beliau telah berjaya menangani dan menyingkirkan pencabarannya iaitu Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam dan potensi dari pencabar terselindung iaitu pasukan wawasan. Teknik, dan strateginya sehingga kini ialah bertujuan untuk menjaga kuasanya, sukar ditandingi oleh pencabar-pencabar politik beliau sehingga beliau pernah diberi jolokan sebagai Machiavelli³³ Malaysia oleh Zakry Abadi.

3.4 Isu Politik Wang Dalam UMNO

Politik wang menjadi masalah UMNO yang serius di bawah kepimpinan Dr. Mahathir. Kata Dr. Mahathir “Kemungkinannya ialah ... orang yang tidak mempunyai prinsip dan suka sogok akan memimpin parti.”³⁴ Sekurang-kurangnya ada dua pandangan mengenai sejarah bermulanya politik wang dalam UMNO.

³³ Machiavelli dikatakan tidak keberatan menerima kediktatoran sebagai satu gaya kepimpinan. Kédictatoran bagi beliau.....memberi faedah kepada negara. Lihat Aminudin Mohd Yusof, *Kepimpinan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), m.s. 52.

³⁴ Dr. Mahathir Mohamad, Ucapan bertajuk *Pemimpin dan Kepimpinan*, (Kuala Lumpur: Ibu Pejabat UMNO), Tanpa Tarikh, m.s. 17.

Pertamanya politik wang dalam UMNO dikatakan telah bermula sejak tahun 1946.³⁵ Pandangan yang kedua ialah politik wang dalam UMNO dikatakan sebenarnya bermula di antara tahun 1981 hingga 1984 akibat perebutan sengit bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO pada masa itu.³⁶ Dalam membincangkan politik wang terdapat dua ciri utama yang perlu difahami. Pertamanya ialah wang digunakan oleh ahli parti untuk membeli pengaruh atau pengundi untuk mendapatkan kemenangan. Keduanya ialah wang digunakan oleh syarikat-syarikat tertentu dengan menaja calon berpotensi untuk memenangi jawatan penting dalam parti.³⁷

Terdapat empat faktor utama yang menyebabkan politik wang menjadi budaya dan masalah kepada UMNO pimpinan Dr. Mahathir. Pertamanya *kelunturan pemahaman terhadap prinsip perjuangan dan kehakisan semangat nasionalisma di kalangan ahli-ahli UMNO, keduanya kewujudan dan penggunaan sistem patronage yang berleluasa, ketiga hasil penekanan terhadap pembangunan yang tidak seimbang oleh UMNO dalam Dasar Ekonomi Baru dan yang keempat ialah Dr. Mahathir berpegang kepada prinsip pragmatik.*

Faktor pertamanya ialah **kelunturan pemahaman ahli-ahli terhadap prinsip perjuangan** UMNO yang antara lain ialah untuk mempertahankan ugama, bangsa, dan tanahair. Untuk memperjuangkan nilai-nilai murni itu ia memerlukan semangat nasionalisme yang tinggi dan ikhlas di kalangan ahli. Namun kini semangat nasionalisme di kalangan kebanyakan ahli UMNO telah merosot. Bukti yang jelas ialah apabila ura-ura kementerian pendidikan untuk pertamanya menghapuskan program matrikulasi di Universiti-Universiti tempatan³⁸ dan

³⁵ "UMNO Dihantui Politik Wang", *Massa*, 5 Oktober 1996, m.s. 48.

³⁶ Ruhani Haji Ahmad dan Mohd Sazali Kamilan, *Revolusi UMNO*, (Kuala Lumpur: Titian Klasik Sdn. Bhd. 1994), m.s 33.

³⁷ Lihat, Ahmad Atory Hussein, "Hubungan Antara Politik Dengan Perniagaan", *Dewan Budaya*, Julai 1997, m.s. 47.

³⁸ Lihat *Massa*, 14 Jun 1997, m.s. 27 dan 28.

keduanya ura-ura kerajaan khasnya MARA untuk mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar Melayu ke luar negeri tidak banyak kedengaran suara-suara bangkangan daripada orang-orang Melayu sendiri.

Perubahan masa menyebabkan orang-orang Melayu kini lebih mengutamakan pulangan kewangan dari apa sahaja aktiviti yang mereka lakukan. Nilai - nilai keakuan , kecekapan, keuntungan, kemajuan yang ditanamkan oleh kepimpinan Dr. Mahathir kepada rakyat jelata telah menghasilkan satu masyarakat materialis yang gila kebendaan. Oleh itu hari demi hari semangat untuk mempertahankan nilai-nilai murni mulai luntur dan orang mula bertanya apa saya dapat dari kegiatan atau perjuangan dalam parti-parti politik. Dalam hubungan ini kata Chandra Muzaffar:

“..the UMNO rank and file see that party leaders or their cronies have acquired wealth through power, they too are tempted to seek their fortune through manipulation of politics.”³⁹

Kedua kepimpinan Dr. Mahathir menggalakkan sistem *patronage*⁴⁰ UMNO yang membenarkan pengamalan pemberian ‘sumber-sumber’ atau habuan yang tidak terkawal di kalangan pelbagai peringkat lapisan parti. Perbuatan melonggokkan durian runtuh dalam bentuk kontrak, lesen dan pelbagai keistimewaan kepada orang-orang yang tertentu yang dipilih sahaja tanpa menyiasat dengan teliti terhadap kecekapan dan kejujuran penerima keistimewaan menyebabkan berlaku perniagaan Ali-Baba dan rakan tidur yang berleluasa. Melihatkankekayaan *instant* golongan penerima habuan tersebut maka pemimpin UMNO dan ahli-ahli yang lain juga berlumba-lumba untuk mendapatkan keuntungan kebendaan daripada parti dan kerajaan.

³⁹ “Money Politics” dalam *Aliran Monthly* ,(1996: 16(7), m.s. 9.

⁴⁰ Lihat Edmund Terence Gomez, *Political Business-Corporate Involvement of Malaysian Political Parties*, (Townsville: James Cook University of North Queensland, 1995), m.s. 290.

Ketiga ialah **fenomena kemewahan yang berleluasa di kalangan segolongan orang-orang Melayu hasil daripada kejayaan Dasar Ekonomi Baru**.⁴¹ Dasar tersebut terlalu mementingkan aspek pembangunan fizikal telah melahirkan pertamanya sekumpulan billionaire dan jutawan Melayu serta keduanya segolongan kelas menengah Melayu yang bergiat dalam pelbagai bidang. Golongan kelas menengah biasanya cenderung berpendirian liberal terhadap isu-isu politik pada amnya. Pada masa yang sama rakyat Malaysia dan kebanyakan ahli dan pemimpin UMNO yang terdiri dari golongan korperat telah dirasuk oleh pemikiran kebendaan yang melampau. Keadaan itu terjadi kerana mereka menyaksikan semakin tinggi hiraki kepimpinan tokoh-tokoh atau aktivist UMNO maka pada umumnya semakin kayalah mereka.

Politik wang merupakan fenomena yang timbul hasil daripada kejayaan yang tidak seimbang di antara aspek material dan spiritual di kalangan masyarakat Malaysia. Jelas sekali bahawa “segala kejayaan sosio-ekonomi yang dinikmati oleh ahli dan pemimpin UMNO hari ini lebih banyak menimbulkan kesan sampingan negatif-menjadi alpa, lalai, mudah berpuas hati, ego dan individualistik, dan mempergunakan segala wang ringgit untuk memenuhi segala kehendak peribadi masing-masing.”⁴²

Faktor yang keempat ialah **Dr. Mahathir mengamalkan amalan falsafah pragmatik**. Mengikut falsafah yang tidak dogmatik ini seseorang itu melakukan tindakan yang berubah-ubah tanpa berpandukan kepada sebarang ideologi atau

⁴¹ Dalam hubungan ini kekayaan orang Melayu hasil DEB ada digambarkan “Seseorang itu boleh memerhatikan kekuasaan dan kuasa mereka dalam bentuk gelaran dan pingat yang diperolehi, juga kereta mewah yang mereka miliki, perhiasan isteri mereka.. Inilah kelemahan yang utama yang terhasil dari pada pelaksanaan DEB.” Lihat Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman, *DEB- Pertumbuhan dan Ketaksamarataan* (Dewan Bahasa dan Pustaka (terjemahan), 1991), m.s. 236.

⁴² Hussain Mohamad, “Perhimpunan Agung UMNO 1996: Masalah Politik Wang dan Masa Depan Parti”, dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 6, 1996, m.s. 204.

pegangan yang tetap. Yang menjadi asas pegangan ialah keuntungan atau faedah yang ditentukan oleh individu tertentu mengikut kayu ukurnya yang tersendiri. Akibat daripada meluasnya pemikiran yang sedemikian dikalangan masyarakat Malaysia termasuk ahli-ahli UMNO maka kepentingan kebendaan yang terlalu peribadi sifatnya telah dijelmakan oleh peri laku sebahagian pemimpin - pemimpin UMNO. Lantaran itu penglibatan pemimpin dalam politik wang adalah refleksi nilai yang menguasai masyarakat Melayu kini pada keseluruhannya.

Nilai-nilai pragmatik tajaan Dr. Mahathir telah menjadi budaya sebahagian besar orang-orang Melayu. Oleh itu semangat atau idealisme tidak lagi menjadi nilai yang disanjung tinggi, walaupun faktor idealismelah sebenarnya yang melahirkan UMNO pada tahun 1946. Menipisnya idealisme di kalangan pengikut UMNO maka menebal pula godaan kebendaan yang akhirnya terjelmalesah penyakit yang diistilahkan politik wang dan rasuah.⁴³ Dari segi indeks rasuah, Malaysia pada tahun 1997 menduduki tempat yang ke 32 daripada 52 negara yang dikaji oleh *Transparency International* yang beribu pejabat di Berlin.⁴⁴

Menyedari penyakit politik wang yang serius dalam UMNO maka langkah yang terpenting yang telah diambil untuk mengatasinya ialah dengan mengadakan satu perhimpunan agung khas pada 19 Jun 1994. Ianya bertujuan meminda perlombagaan⁴⁵ dan memberi kuasa kepada Majlis Tertinggi UMNO untuk

⁴³ Isu rasuah oleh golongan jerung telah mendapat perhatian yang serius oleh kepimpinan Dr. Mahathir terutamanya dalam tempoh percutiannya selama dua bulan di luar negeri. Akibatnya seorang timbalan menteri dan beberapa orang exco kerajaan negeri telah dipecat daripada jawatan masing-masing. Akibat daripada tindakan tegas tersebut pujian telah diberikan kepada Dr. Mahathir antaranya "*Malaysia has come to see corruption as a barrier to its economic advancements and has mobilized public opinion to combat it..*" Lihat *The Asian Wall Street Journal*, August 1-2 1997.

⁴⁴ Kedudukan Malaysia semakin merosot berbanding dengan tahun sebelumnya Malaysia menduduki tempat yang ke 26. Lihat *New Straits Times* 1 Ogos 1997.

⁴⁵ Lihat Perkara 18.7 "yang antara lain melarang penyalahgunaan kuasa dan wang.." *Perlombagaan UMNO* (Kuala Lumpur: Ibu Pejabat UMNO, 1994), m.s. 47.

membentras penyalah-gunaan kuasa, kedudukan dan wang untuk tujuan mendapat undi atau sokongan dalam pemilihan jawatan.⁴⁶ Di antara hasil daripada pindaan perlembagaan UMNO tersebut maka Tajudin Abdul Rahman telah dipecat keahlian parti oleh Jawatankuasa Disiplin kerana bersalah menghulur wang berjumlah RM 6 juta untuk membeli undi.⁴⁷

3.5 Isu Memperjelaskan Batasan Peranan Raja-raja Melayu

Dalam era kepimpinan Dr. Mahathir beliau telah berjaya memperjelaskan batasan dan peranan sebenar raja-raja Melayu. Dr. Mahathir mewarisi kepimpinan UMNO yang sangat tebal amalan feudalismanya, di mana golongan istana merupakan komponen yang sangat berpengaruh dalam masyarakat Melayu. Beliau dengan penuh keazaman ingin mereformasikan UMNO dan orang-orang Melayu terutamanya dengan menghapuskan amalan feudal dikalangan orang-orang Melayu yang dianggapnya sebagai penghalang kepada cita-cita politiknya.

Dr. Mahathir amat sedar bahawa UMNO yang bertanggungjawab mempertahankan institusi raja Melayu setelah ianya ingin dihapuskan oleh British melalui rancangan Malayan Union. Dalam hubungan ini beliau menggunakan kekuatan UMNO untuk mengurangkan cengkaman institusi raja-raja Melayu ke atas sumber-sumber negara dan pada masa yang sama mencampuri urusan atau keputusan yang diambil oleh badan eksekutif atau ahli-ahli politik pemerintah khasnya. Tujuan yang terpenting dari tindakan Dr. Mahathir dalam melakukan pindaan Perlembagaan itu ialah untuk menjelaskan lagi definisi sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen.⁴⁸ Beliau mendakwa apa yang dilakukannya adalah untuk kepentingan rakyat.⁴⁹ Campurtangan raja-raja Melayu dalam perlantikan Menteri Besar, exco-

⁴⁶ Lihat *Massa*, 5 Oktober 1996, m.s. 48.

⁴⁷ *Ibid.* m.s. 49.

⁴⁸ Chamil Wariya, *Politik dan Raja* (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1992), m.s. 33.

⁴⁹ Lihat *Asiaweek*, 27 January 1993.

exco negeri, kelulusan lesen-lesen balak⁵⁰ umpamanya telah menggugat kedudukan Dr. Mahathir sebagai ahli politik nombor satu yang dipilih oleh rakyat. Dalam ertikata yang sebenar sistem feudal Malaysia pada pandangan Dr. Mahathir telah menyebabkan kedudukan dan kuasa beliau yang diberi oleh rakyat dalam politik Malaysia tidaklah mutlak kerana dibatasi oleh tindak tanduk raja-raja Melayu.

Keputusannya untuk memperjelaskan peranan raja-raja dan badan eksekutif telah menyebabkan krisis terbuka dengan raja-raja Melayu iaitu pada tahun 1983 dan 1993. Walau pun beliau kurang berjaya pada tahun 1983 namun dalam tahun 1993 Dr. Mahathir dan UMNO dengan agresif sekali berkonfrontasi dengan raja-raja Melayu. Hasilnya Dr. Mahathir telah mencapai matlamatnya untuk menghadkan peranan institusi raja maka Malaysia kini boleh diterajui oleh beliau dalam erti kata yang sebenarnya.

Dua strategi Dr. Mahathir dalam berkonfrantasi dengan raja-raja Melayu adalah sungguh berkesan. Pertamanya beliau bersemuka dengan raja Melayu dengan menggunakan kekuatan atau kedaulatan rakyat. Dalam peristiwa tersebut rakyat didedahkan dengan segala macam bentuk pembaziran yang telah dilakukan oleh raja-raja Melayu.⁵¹ Dengan itu jelaslah beliau telah berjaya menggunakan alat komunikasi politik dengan cara yang cekap dan berkesan. Keduanya beliau telah menggunakan langkah pentadbiran, undang-undang serta “*blackmail*” ke atas raja-raja Melayu. Ia juga menyekat penglibatan pegawai-pegawai awam serta menghadkan keistimewaan dan perbelanjaan Raja-raja Melayu. Tindakan-tindakan tersebut berjaya mengawal perilaku dan keterlanjuran Raja-Raja Melayu dengan sungguh berkesan.

⁵⁰ Contoh-contoh campurtangan Raja dalam urusan kerajaan UMNO boleh dilihat dalam S. Husin Ali, *Isu Raja Dan Pindaan Perlembagaan*, (Petaling Jaya: S. Husin Ali, 1993), m.s. 38-39.

⁵¹ *Far Eastern Economic Review*, 4 February 1993.

3.6 Memperbetulkan Badan Kehakiman

Dalam era kepimpinannya Dr. Mahathir ingin menjayakan cita-cita peribadi beliau untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang dihormati dan contoh kepada negara-negara yang sedang membangun yang lain. Badan kehakiman dilihat oleh Dr. Mahathir sebagai satu warisan penjajah yang banyak menghalang kelancaran proses pencapaian cita-cita beliau. Perlu diingat pada pandangan Dr. Mahathir, beliau ialah pemimpin pilihan rakyat, maka beliau boleh melakukan apa sahaja untuk kepentingan rakyat.

Terdapat beberapa peristiwa yang membuktikan mahkamah telah tidak berpihak kepada Dr. Mahathir dalam penghakimannya. Yang pertama ialah dalam kes penswastaan Lebuh Raya Utara Selatan yang diberikan kepada sebuah syarikat proksi UMNO yang di bawa ke mahkamah oleh Lim Kit Siang untuk menghalang kontrak itu dari ditandatangani . Walaupun tiga hakim mahkamah Agung menolak saman Lim Kit Siang, dua daripada hakim tersebut menyebelahi Lim Kit Siang. Ini menimbulkan kemarahan perdana menteri kerana ini membayangkan terdapat ahli perkhidmatan kehakiman yang menentang keputusan eksekutif.⁵² Pada keseluruhannya Dr. Mahathir berpendapat terdapat beberapa keputusan Mahkamah yang tidak berpihak kepada kerajaan. Contohnya keputusan kerajaan menarik balik permit dua orang wartawan *The Asian Wall Street Journal* iaitu Raphael Pura dan John Berthelsen yang melaporkan dakwaan penyelewengan yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia, telah dibatalkan oleh Mahkamah Agung.⁵³

⁵² H.P. Lee, *Constitutional Conflicts In Contemporary Malaysia* (Kuala Lumpur:Oxford University Press,1995), ms. 50.

⁵³ G.P. Means, *Malaysian Politics* , ms. 140.

Satu lagi peristiwa yang akhirnya menjadikan Dr. Mahathir seorang pemimpin Malaysia yang paling berkuasa dalam sejarah negara ialah kes Salleh Abbas. Bekas Ketua Hakim Malaysia itu pada pandangan Dr. Mahathir ialah seorang yang bertanggungjawab menghalang pencapaian cita-cita peribadi beliau dengan mempengaruhi keputusan-keputusan mahkamah untuk tidak memihak kepada kerajaan. Oleh itu ketua badan kehakiman tersebut perlu disingkirkan dan dengan itu akhirnya beliau berjaya mencapai cita-cita beliau dengan pemecatan Salleh Abbas pada 8 Ogos 1988.⁵⁴

Kini Dr. Mahathir sebagai ketua eksekutif yang dianggap oleh media tempatan⁵⁵ sebagai betul dalam semua '*decision and dealing*' telah mencapai kejayaan besar di peringkat domestik yang dicita-citakannya iaitu seperti kata beliau "*That I am still here is an achievement.*"⁵⁶ Strategi, teknik dan gaya kepimpinannya dalam menangani pelbagai masalah yang timbul sungguh berkesan sekali sehingga beliau telah dapat menguasai UMNO dan Malaysia secara mutlak.⁵⁷

Namun satu budaya pujaan Dr. Mahathir iaitu keupayaan dan kecekapan pengurusan wang yang beliau ingin terapkan kepada orang-orang Melayu disamping memberi kesan positif ianya juga telah dan sedang menyerang UMNO dengan hebat sekali dalam bentuk politik wang. Apa yang telah dan sedang terjadi sebenarnya adalah akibat daripada penerapan kaedah penyelesaian kebendaan tajaan Dr. Mahathir untuk mengatasi masalah orang Melayu. Masalah orang Melayu yang dikenalpasti oleh beliau ialah orang-orang Melayu *takut* kepada orang Cina kerana

⁵⁴ H.P. Lee, *Constitutional Conflicts in Contemporary Malaysia...opcit*, ms. 57.

⁵⁵ Rais Yatim, *Freedom Under Executive Power In Malaysia- A Study of Executive Supremacy*,(Kuala Lumpur: Endowment Publications, 1995), m.s. 358

⁵⁶ *Asiaweek*, 9 May 1997, m.s. 39.

⁵⁷ Dr.Mahathir menduduki tempat kedua daripada senarai 50 orang yang paling berkuasa di Asia pada tahun 1997. Lihat *Asiaweek* 30 May 1997, m.s. 46.

sikap dan budaya mereka, maka orang-orang Melayu tidak berkemampuan untuk bersaing dengan orang-orang Cina.

Penyelesaian masalah orang Melayu yang terlalu berasaskan kekayaan wang atau kebendaan yang dilakukan melalui tindakan yang digembar-gemburkan sebagai peningkatan produktiviti dan kecekapan dalam menjalankan tugas seperti yang dikehendaki oleh Dr. Mahathir telah menyumbang ke arah melahirkan budaya materialis /utilitarian. Lantaran itu merosotlah penghayatan kepada nilai-nilai murni bukan wang iaitu idealisme. Pendekata setelah kejayaan kepimpinan Dr. Mahathir dicapai, beliau secara halus mula melaksanakan dasar-dasar liberal di antaranya menaikkan kembali martabat Bahasa Inggeris dan mengkesampingkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.⁵⁸ Sedar tidak sedar Malaysia sedang bergerak ke arah **Malaysian Malaysia ala Dr. Mahathir** dikala orang Melayu sedang mabuk wang di waktu paradigma baru⁵⁹ menjadi keutamaan untuk mengejar dan melahirkan apa-apa sahaja yang dikatakan **bertaraf dunia**.

3.7 Dr. Mahathir Sebagai Pengerusi Barisan Nasional - BN

Dalam bahagian ini penulis akan mengulas mengenai gaya teknik dan strategi Dr. Mahathir mengurus pelbagai karenah parti-parti komponen Barisan Nasional. BN didaftarkan secara rasmi pada 1 Jun 1974 dengan dianggotai oleh sembilan buah

⁵⁸ Mengikut Zainal Abidin Wahid, "...pemimpin UMNO terlampaui liberal contohnya dalam Pameran Kebudayaan Kebangsaan di Kota Kinabalu anjuran Dewan Perniagaan Cina Sabah pada Disember 1995, seorang pemimpin UMNO di pameran itu berkata, negara kita perlu bersedia menerima segala bangsa dan budayanya ." Dipetik dari *Tamadun* , Mac 1996, m.s. 17.

⁵⁹ Melihat sesuatu dengan paradigma baru telah menjadi sebutan popular dalam masyarakat Malaysia. Dr. Mahathir sendiri telah memberi amanat kepada pemimpin tertinggi perkhidmatan awam Malaysia supaya mengamalkan paradigma baru dalam mentadbir negara. Kata Dr. Mahathir " Kalau kita percaya kita hanya boleh mencapai setakat itu maka dengan sendirinya ia menjadi *limit* kepada kecapaian kita. Meletakkan satu perenggan, satu batasan yang menghalang kecapaian kita lebih dari itu. Tetapi sebenarnya kita mempunyai kemampuan yang jauh daripada yang kita percaya kita mempunyai". Lihat *Wawasan 2020 dan Perkhidmatan Awam Malaysia*, (Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara, 1994), m.s. 221.

parti politik iaitu UMNO, MCA, MIC, PAS, PPP, Gerakan, SUPP, PBB dan Parti Perikatan Sabah.⁶⁰ Hari ini BN telah berkembang menjadi gabungan empat belas buah parti politik yang terdiri dari UMNO, MCA, MIC, PBB, SUPP, GRM, PPP, SNAP, PBDS, AKAR, LDP, SAPP, PBRS, dan PDS.

Dari segi pentadbiran, BN diuruskan oleh empat puluh lima orang Ahli Dewan Tertinggi Barisan Nasional. Secara terperinci pengurusan BN diketuai oleh Pengerusi iaitu Dr. Mahathir dan beliau dibantu oleh seorang Setiausaha Agung iaitu Mohamad Rahmat, seorang Bendahari Agung -Daim Zainuddin dan empat puluh dua orang Naib Presiden. Daripada empat puluh lima orang Ahli Majlis Tertinggi tersebut terdapat hanya sembilan orang Melayu manakala tiga puluh enam orang yang lain adalah bukan Melayu.

Mengikut Dr. Mahathir BN mempunyai sejarah dan tradisi tolak ansur, saling bertukar-tukar fikiran, saling bekerjasama dan saling mengambil kira dan peka terhadap kepentingan satu dengan yang lain, tegasnya tradisi muafakat dan musyawarah.⁶¹ Berdasarkan hakikat di atas maka perjuangan UMNO pimpinan Dr. Mahathir untuk mempertahankan hak-hak dan meningkatkan kepentingan orang-orang Melayu adalah terbatas. Ini kerana kaum Melayu adalah minoriti dalam Dewan Tertinggi Barisan Nasional.

Pada peringkat awal BN dapat mengatasi masalah yang timbul dengan senang secara relatif kerana anggota komponennya tidaklah banyak seperti hari ini. Buktinya diakhir tahun lapan puluhan parti-parti komponen didapati gagal mengatasi isu-isu hubungan kaum dalam kerangka BN telah membawa kepada ketegangan

⁶⁰ Diane K. Mauzy, *Barisan Nasional- Coalition Government in Malaysia*, (Kuala Lumpur: Marican & Sons , Malaysia Sdn. Bhd., 1983), m.s. 77.

⁶¹ *Konvensyen Barisan Nasional*, (Kuala Lumpur:Nusantara Publishing Sdn.Bhd.,1995),ms. 14.

hubungan ras di Malaysia. Antara peristiwa yang terjadi ialah perhimpunan kira-kira 20, 000 orang Cina dari pelbagai fahaman politik di Pagoda Thean Hou⁶² pada tahun 1987 untuk membantah kenaikan pangkat 87 orang guru besar sekolah Cina yang tidak mempunyai kelulusan Mandarin. Masyarakat Cina melalui 15 buah *guild* mereka menuntut supaya itu diselesaikan jika tidak mereka akan memboikot sekolah-sekolah Cina dan kira-kira 20,000 orang pelajar sekolah Cina kebanyakannya di Pulau Pinang tidak datang ke sekolah pada hari itu.⁶³

Oleh kerana suara orang-orang Melayu adalah minoriti dalam badan tertinggi BN maka gaya, teknik dan strategi Dr. Mahathir menangani tiga belas anggota yang lain adalah terhad. Dalam keadaan minoriti yang dipilihya sendiri⁶⁴, Dr. Mahathir mahu tidak mahu **terpaksa mematuhi** satu unsur yang menjamin kelangsungan BN dalam politik Malaysia iaitu **konsensus**. Contoh yang paling jelas ialah apabila Parti Progresif India Malaysia pimpinan M. G. Pandithan⁶⁵ memohon untuk menganggotai BN ianya tidak dapat diterima semata-mata kerana ditentang oleh sebuah sahaja parti iaitu MIC. Sistem konsensus BN memungkinkan beberapa aspek *fundamental* dalam perjuangan UMNO terhakis kerana ianya tidak mendapat konsensus daripada anggota komponen yang lain. Tidak keterlaluan jika dikatakan kepimpinan Dr. Mahathir terpaksa menempuh halangan yang diciptanya sendiri untuk memperjuangkan dasar-dasar yang lebih menguntungkan orang-orang Melayu.

⁶² William Case, *Elites and Regimes In Malaysia - Revisiting A Consociational Democracy* (Clayton: Monash Asia Institute, 1996), ms. 197.

⁶³ Lihat Ahmad Adam, "Isu Bahasa Dan Pembentukan Bangsa" dalam Asraf (ed), *Manifesto Budaya- Puples Bahasa Pupleslah Bangsa* (Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, 1996), m.s. 128.

⁶⁴ Dalam hubungan ini kata Dr. Mahathir "UMNO , actually avoid domination of the coalition by never fielding enough candidates to form a government on its own..." Ucapan Dr. Mahathir bertajuk "DR. M: Barisan A Smart Partnership" dalam *New Straits Times* 29 July 1997.

⁶⁵ *New Straits Times*, 7 January 1997.

Selanjutnya aspek konsensus itu juga telah menghalang pemimpin-pemimpin Melayu daripada menjalankan dasar-dasar yang kelihatan lebih kemelayuannya. Ini juga selaras dengan pegangan Dr. Mahathir bahawa jika semua kaum di Malaysia tidak berpuas hati⁶⁶ maka itulah dasar yang terbaik. Jika satu kaum sahaja yang berpuas hati maka kaum-kaum yang lain tidak akan berpuas hati.

Golongan yang berkuasa kini menganggap mencapai kejayaan ekonomi mengatasi segala- galanya. Untuk mencapai tujuan tersebut dua perkara sangat dipentingkan oleh Dr. Mahathir iaitu pertamanya bahasa Inggeris dianggap sangat penting fungsinya. Yang kedua Dr. Mahathir juga cuba sedaya upaya supaya orang-orang Cina mempercayai orang-orang Melayu khasnya yang bekerja dalam birokrasi.⁶⁷ Bagi tujuan tersebut beliau melaksanakan dasar Persyarikatan Malaysia yang memungkinkan kerjasama yang lebih erat dapat dijalin di antara pegawai tertinggi perkhidmatan awam dengan kepten-kepten industri Malaysia yang rata-ratanya terdiri dari orang-orang Cina.

Pada masa yang sama kerajaan pimpinan Dr. Mahathir dikatakan tidak begitu gigih dalam gagasan pembentukan bangsa yang berlandaskan faktor-faktor sejarah. Aspek kebudayaan yang berwajah nasional pun kelihatan kurang diberi perhatian.⁶⁸ Lantaran itu wujudlah keadaan di mana pemimpin Melayu khasnya Dr. Mahathir sejak kebelakangan ini dianggap sangat “*responsive*” terhadap permintaan orang-orang bukan Melayu buktinya beliau lebih memihak kepada dasar-dasar yang ‘multiculturist’, ‘more accomodating’, ‘moved beyond Malay exclusivity.’⁶⁹ Hasilnya

⁶⁶ Kata Dr. Mahathir “ *I myself have been criticised by the Malays as I am said to have not met their demands. But the fact remains that I cannot afford to met all the demands of the Malays and the non-Malays*”, Lihat *New Straits Times*, 3 August 1997.

⁶⁷ Mengikut James V. Jesudason “*The chinese never enjoyed good relations with the bureaucracy..*”, lihat James v. Jesudasen, *Ethnicity and The Economy-The State, Chinese Business, and Multinationals in Malaysia*, (Singapore: Oxford University Press, 1990), m.s. 136.

⁶⁸ Ahmat Adam, *op. cit.*, m.s. 132

⁶⁹ *The Star*, 8 November, 1995.

sebagai Penggerusi Barisan Nasional dan Perdana Menteri Malaysia beliau telah mengambil sikap yang lebih liberal malah terpaksa mengubah prinsip asal beliau yang kelihatan pro-Melayu. Pragmatik beliau lebih terserlah seperti yang tergambar daripada petikan berikut;

"Previously we tried to have a single entity, but it caused a lot of tension and suspicion among the people... There was fear among the people that they may have to give up their own cultures, values and religions. This could not work and we believe Bangsa Malaysia is the answer".⁷⁰

Pendekatan liberal seperti yang digambarkan di atas telah memberikan kejayaan yang besar kepada Dr. Mahathir dalam pilihanraya umum pada tahun 1995.⁷¹

Dalam hubungan ini mengikut Lim Kit Siang kemenangan besar BN adalah kerana PM sekarang lebih liberal. Terdapat beberapa dasar atau isu yang diperjuangkan oleh DAP telah diterima dan dilaksanakan oleh kerajaan BN seperti isu *bahasa, kebudayaan dan pendidikan*.⁷² Selanjutnya Lim Kit Siang menyatakan "*I welcome and commend the Prime Minister for his recent conversion to the nation-building policy of integration and the abandonment of the policy of assimilation..*"⁷³ Pada pandangan Dr. Mahathir kejayaan pada tahun 1995 menggambarkan sokongan rakyat Malaysia terhadap wawasan beliau pada amnya dan dasar-dasar domestik dan dasar luar yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kepimpinan beliau. Selepas kemenangan tersebut Dr. Mahathir terus melaksanakan langkah ke arah melahirkan *Malaysian Malaysia* di mana beliau pada 14 Ogos 1996

⁷⁰ Dipetik dari Liak Teng Kiat, "Malaysia-Mahathir's Last Hurrah?" dalam *Southeast Asian Affairs* 1996, (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1996), m.s. 227

⁷¹ Lihat Edmund Terence Gomez, *The 1995 Malaysian General Elections-A Report and Commentary*, (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1996), m.s. 35.

⁷² Kenyataan Lim Kit Siang , "Dasar Liberal BN Bunuh DAP" dalam *Massa*, 12 Julai 1997., m.s. 30.

⁷³ Lim Kit Siang, *IT For All*, (Petaling Jaya: Democratic Action Party, 1997), m.s. 28-29.

melancarkan skim Amanah Saham Wawasan 2020 yang boleh disertai oleh semua rakyat Malaysia.

3.8 Kepimpinan Dunia Ketiga

Dr. Mahathir ialah pemimpin Malaysia yang pertama mencapai taraf sebagai jurucakap Dunia Ketiga atau negara-negara yang sedang membangun.⁷⁴ Keberanian Dr. Mahathir sebagai pemimpin terserlah melalui tindakan-tindakan beliau yang mempunyai implikasi antarabangsa umpamanya Dasar *Buy British Last*, memulaukan persidangan ketua-ketua negara *APEC* di Seattle pada bulan November 1993, kerana Amerika Syarikat menentang penubuhan *EAEC*. Peristiwa itu menimbulkan pelbagai reaksi malah beliau dianggap sebagai *recalcitrant* oleh Paul Keating bekas perdana menteri Australia.⁷⁵

3.8.1 Faktor-faktor Yang Membolehkan Dr. Mahathir Dianggap Pemimpin Dunia Ketiga

Terdapat lima faktor yang membolehkan Dr. Mahathir mencapai tahap yang membanggakan itu. Pertamanya beliau berjaya mengubah ekonomi Malaysia dari sebuah negara yang amat bergantung kepada keluaran pertanian kepada pengeksport barang-barangan perkilangan. Keduanya kerana kestabilan politik dalam negeri secara relatif, ketiga ialah kepintaran dan keberaniannya menggunakan dilema Dunia Ketiga dengan mengeluarkan kenyataan yang pedas terhadap sikap dalam dua muka negara yang sudah maju dalam isu-isu hak asasi manusia, alam sekitar, buruh dan keadilan dalam sistem perdagangan dunia. Faktor yang keempat ialah kedudukan Malaysia yang tidak mempunyai banyak hutang secara relatif berbanding dengan negara-

⁷⁴ Lihat, M. S. Dobbs-Higginson, *Asia Pacific-Its Role In The New World Order*, (London : Mandarin Paperback 1994), m.s. 315.

⁷⁵ Lihat Peter Scarle, "Recalcitrant or Real Politik ? The Politics of Culture in Australia's Relations with Malaysia" dalam Richard Robinson (ed), *Pathways to Asia- The Politics of Engagement*, (St. Leonards: Allen and Unwin, 1996), m.s. 61.

negara Dunia Ketiga yang lain dan faktor yang terakhir ialah kefasihan Dr. Mahathir berbahasa Inggeris.

3.8.2 Keupayaan Mentransformasikan Ekonomi Malaysia

Kejayaan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia secara purata semenjak tahun 1981 adalah amat membanggakan.⁷⁶ Walaupun negara mengalami pertumbuhan ekonomi yang negatif pada tahun 1985 namun selepas itu apabila keperluan Dasar Ekonomi Baru dilonggarkan maka Malaysia mampu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Pertumbuhan purata ekonomi negara sehingga kini adalah antara yang tertinggi di dunia. Hasilnya kadar kemiskinan “*hard core poor*” di Malaysia telah menurun kepada hanya 2.2 peratus dan jumlah isirumah yang miskin adalah sebanyak 417,200 pada tahun 1995.⁷⁷

Pertumbuhan ekonomi yang sangat pesat itu sebenarnya berpunca dari empat faktor iaitu dasar ekonomi yang liberal, kemasukan modal asing yang berterusan, Malaysia sangat kaya dengan sumber-sumber semulajadi dan kecekapan pengurusan ekonomi negara. Keupayaan Malaysia pimpinan Dr. Mahathir menguruskan ekonomi negara itu telah diiktiraf oleh pelbagai pihak termasuk Bank Dunia. Pertumbuhan ekonomi yang pesat hasil dari kemasukan pelaburan asing di sektor pengilangan terutamanya membolehkan negara mencapai tahap guna tenaga penuh. Akibatnya Malaysia⁷⁸ dibanjiri oleh dua juta orang pekerja asing dari seluruh pelusuk dunia untuk bekerja dipelbagai sektor kegiatan ekonomi negara.

⁷⁶ Pengiktirafan terhadap Malaysia boleh dilihat dalam, *The East Asian Miracle- Economic Growth and Public Policy*, (Washington: The World Bank, 1993), m.s 310-311, dan Ataul Huq (Pramanik), *Malaysia's Economic Success*, (Petaling Jaya:Pelanduk Publications, 1994) m.s. 1.

⁷⁷ *New Straits Times* 27 July 1997.

⁷⁸ Malaysia kini dikategorikan sebagai “The Rising Star”, Lihat Philip Kotler, Somkid Jatusripitak, Suvit Maesincee, *The Marketing of Nations - Strategic Approach to Building National Wealth*, (New York: The Free Press, 1997), m.s. 90.

3.8.3 Kestabilan Politik Domestik

Kedua dari segi politik, Malaysia adalah di antara negara yang paling stabil di dunia. Oleh itu pelabur-pelabur asing tidak menghadapi risiko yang tinggi terhadap pelaburan mereka. Barisan Nasional yang sebelumnya Perikatan memerintah Malaysia semenjak tahun 1957 kecuali untuk jangka waktu yang pendek dalam tahun 1969 apabila Malaysia ditadbirkan oleh Majlis Gerakan Negara. Kestabilan politik menjadi tarikan utama kepada kemasukan modal asing⁷⁹ terutamanya dari Jepun dan beberapa negara maju di barat dalam bentuk pelaburan di sektor perkilangan, perlombongan dan perkhidmatan.

3.8.4 Keberanian Memperjuangkan Nasib Negara-negara Miskin

Faktor yang ketiga ialah kepintaran Dr. Mahathir memahami dan menganalisis percaturan politik dunia yang dipenuhi oleh ketidakadilan. Beliau melihat dilema negara-negara miskin yang terpaksa menjadi peminta sedekah daripada negara-negara kaya. Keadaan ini menyebabkan *survival* banyak negara Selatan bergantung kepada belas kasihan negara-negara maju. Pertumbuhan ekonomi yang rendah, masalah pengangguran dan ketidakstabilan politik adalah ciri-ciri utama negara-negara Dunia Ketiga.

Menyedari hakikat tersebut Dr. Mahathir menggunakan peluang itu untuk membidas sikap negara-negara maju yang tidak mengambil langkah yang serius untuk membantu negara-negara miskin, tetapi sebaliknya mengeksplot sumber-sumber yang terdapat dibanyak negara Dunia Ketiga. Sistem perdagangan dunia yang

⁷⁹ Dr. Mahathir merupakan seorang yang sangat berjaya memasarkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama di dunia di mana bagi tempoh 1988-1992 Malaysia merupakan negara membangun yang keempat terbesar di dunia dari segi jumlah kemasukan pelaburan asing dengan jumlah US\$ 13.2 billion. Lihat Philip Kotler, Somkid Jatusripitak, Suvit Maesincee, *The Marketing of Nations- A Strategic Approach to Building National Wealth*, , Ibid. m.s. 187.

dibahagikan kepada negara-negara maju di Utara dan negara-negara miskin di Selatan membolehkan kelab negara kaya iaitu Kumpulan G-7 menetapkan “rule of the game” yang sentiasa menguntungkan kumpulan mereka.

Begitu juga dalam isu-isu hak asasi manusia, buruh dan alam sekitar, tema perjuangan Dr. Mahathir ialah menyalahkan negara-negara maju kerana mereka cuba mengenakan nilai-nilai mereka ke atas negara-negara membangun bertujuan meningkatkan kos pengeluaran di negara-negara membangun termasuk Malaysia. Apabila kos pengeluaran barang negara-negara membangun meningkat maka hasil eksport mereka tidak kompetitif dan ini menghalang kemasukan barang negara-negara Selatan ke negara-negara maju di Utara. Dalam konteks inilah maka Dr. Mahathir mengambil peranan yang aktif dalam kegiatan Negara-Negara Berkecuali, Pertubuhan Kumpulan “G-15”, dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memperkuatkan kerjasama di antara negara-negara Selatan.⁸⁰ Dalam hubungan ini beliau mengutarakan falsafah “*prosper-thy-neighbour*” dalam menjalankan hubungan antara negara. Tindakan-tindakan Malaysia pimpinan Dr. Mahathir berdasarkan falsafah tersebut di pentas dunia telah menaikkan imej Malaysia pada keseluruhannya.

3.8.5. *Saiz Hutang Negara Yang Relatif Kecil*

Faktor yang keempat yang membolehkan Malaysia di era kepimpinan Dr. Mahathir diiktiraf sebagai pemimpin idola Dunia Ketiga, ialah kerana dari sudut hutang luar negara, Malaysia mempunyai jumlah hutang luar yang kecil secara relatif dan jumlahnya semakin berkurangan. Buktinya pada tahun 1988 Malaysia mempunyai hutang luar yang berjumlah 25, 922 juta⁸¹ dan ianya berkurangan

⁸⁰ Lihat, Chandra Muzaffar, “The Height of Hypocrisy” dalam *Aliran Monthly* 1995: 15 (5), m.s. 35.

⁸¹ Mustapha Mohamed, *Kefahaman Ekonomi -Untuk Yang Memimpin dan Dipimpin*, (Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd., 1993), m.s. 121.

kepada 20, 898 juta pada tahun 1992 dan terus menurun kepada 13, 902 juta sahaja pada tahun 1995.⁸² Dalam hubungan ini kerajaan Malaysia pimpinan Dr. Mahathir telah membayar hutang luar negara lebih awal dari tarikh matang atau tarikh yang ditetapkan oleh pemberi pinjam.

3.8.6 Kefasihan Dr. Mahathir Berbahasa Inggeris

Faktor yang kelima ialah kefasihan penguasaan Bahasa Inggeris oleh Dr. Mahathir berbanding dengan pemimpin Dunia Ketiga yang lain. Dalam hubungan ini mengikut seorang penganalisis “*Dr. Mahathir is..ribbed for being more at ease in English than in Bahasa Malaysia..*”⁸³ Dengan kebolehan berbahasa Inggeris dengan fasih maka beliau dapat berbahas dan *mangarticulate* pendapat dan pandangan beliau di pentas dunia dan dengan itu idea-idea beliau senang difahami oleh masyarakat antarabangsa.

Dapatlah dirumuskan oleh kerana lima faktor di atas maka Malaysia pimpinan Dr. Mahathir telah berjaya di antara lain dipilih menganggotai kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan rakyat Malaysia telah dilantik sebagai Presiden Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke 51. Lebih dari itu banyak negara-negara membangun yang lain melihat kepada Malaysia sebagai sebuah negara contoh.⁸⁴ Kata sebuah akhbar di Sri Lanka “*Dr. Mahathir has proved to be a Godsend for the Third World in general and the Asiatic region in particular.*”⁸⁵

⁸² Kementerian Kewangan Malaysia, *Laporan Ekonomi 1995/1996*, m.s. xlivi.

⁸³ James Fallows, *Looking at The Sun- The Rise of the New East Asian Economic and Political System*, (New York:Vintage Books, 1995), m.s. 308-309.

⁸⁴ Untuk ulasan lanjut tentang hal ini dan ketokohan Dr. Mahathir secara keseluruhannya lihat Yahya Ismail, *Revolusi Mental Mahathir*, (Kuala Lumpur: Usaha Teguh Sdn. Bhd., 1994), m.s. 35.

⁸⁵ *New Sunday Times*, 27 July 1997.

3.9 Kesimpulan

Daripada analisis ke atas gelagat kepimpinannya Dr. Mahathir merupakan seorang intelektual yang mempunyai pelbagai idea yang luar biasa telah menjadi aktivis politik pada usia yang muda. Sebagai pengamal fahaman pragmatik beliau telah menggunakan pelbagai teknik dan strategi untuk mengekalkan dua kedudukan beliau. Pertamanya sebagai Presiden UMNO yang telah direformasikan mengikut kemahuan beliau sendiri dan kedua sebagai Perdana Menteri Malaysia yang paling lama memegang jawatan. Teknik dan strategi awal yang paling berkesan ialah mempergunakan tema **ketakutan** kaum Melayu kepada kaum Cina serta kurang upaya orang-orang Melayu untuk berjaya dalam pelbagai bidang berbanding dengan orang-orang Cina. Oleh itu beliau dianggap pejuang dan pembela kepentingan orang-orang Melayu di Malaysia.

Apabila beliau berada di pihak minoriti dalam empat belas komponen BN dan sedar kuasanya juga bergantung kepada orang-orang bukan Melayu maka beliau telah mengambil langkah yang liberal terhadap kaum Cina dengan mengutarakan gagasan untuk **mencapai Malaysian Malaysia ala Dr. Mahathir**. Beliau juga telah berjaya mengurangkan kalaupun tidak menghapus pengaruh feudal raja-raja Melayu ke atas sistem politik Malaysia. Semua langkah yang diambil oleh beliau itu telah mendapat sambutan positif dan kini kaum Cina telah menjadi penyokong kuat Dr. Mahathir.⁸⁶

Penekanan Dr. Mahathir yang berlebihan terhadap kemajuan kebendaan telah berjaya menghasilkan satu kelas *billionaire* dan jutawan Melayu serta segolongan

⁸⁶ Lihat Micheal R. J. Vatikiotis, *Political Change in Southeast Asia-Trimming the Banyan Tree*, (London: Routledge, 1996), m.s. 70. Ahli akademik tempatan juga mengakui hakikat ini seperti yang dinyatakan “..Orang Cina percaya kepada kepimpinan Dr. Mahathir yang membawa kemakmuran kepada negara ini, dan orang Cina tidak mahu melepaskan peluang kemakmuran ini.”, Lihat Mohd Safar Hashim, *Mahathir dan Akhbar*, op. cit. m.s. 16.

kelas menengah Melayu semenjak tahun 1981. Memandangkan kepada kejayaan tersebut pada 11 Mei 1997 Dr. Mahathir menarik balik pendirian beliau terhadap orang -orang Melayu yang kurang mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain yang diutarakan oleh beliau dalam buku *Malay Dilemma*. Kini beliau yakin orang-orang Melayu boleh berjaya dalam apa sahaja bidang jika mereka tekun melakukan apa-apa sahaja secara berulang-ulang.

Pada masa yang sama Dr Mahathir terus menanamkan nilai-nilai meritokrasi dalam budaya orang Melayu dan contoh yang paling jelas ialah perlaksanaan Skim Saraan Baru dalam perkhidmatan awam yang sebahagian besarnya terdiri daripada orang-orang bumiputera. Alasan yang diberikan ialah kita tidak ada pilihan yang lain untuk mencapai tahap negara maju melainkan nilai-nilai kecekapan dan produktiviti mestilah dijadikan amalan.

Selanjutnya memperjuangkan nasib dan bekerjasama negara -negara Selatanumpamanya melalui Dailog Antarabangsa Langkawi- *Langkawi International Dialogue-LID* dan menggesa rakyat Malaysia bekerja kuat untuk mencapai tahap sebuah negara industri yang setaraf dengan negara-negara maju yang lain juga menjadi slogan Dr. Mahathir. Taktik itu telah dapat mengalihkan pandangan rakyat terhadap kelemahan dan masalah kepimpinannya. Kepintarannya menggunakan situasi di dalam dan luar negeri membolehkan beliau mencapai **kejayaannya yang terbesar iaitu terus berkuasa** untuk melaksanakan cita-cita peribadinya menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati terutamanya kerana kemajuan kebendaannya. Sebelum tahap itu dicapai kepentingan nilai-nilai **meritokrasi dan mendewadewakan penggunaan Bahasa Inggeris** yang boleh ditafsirkan sebagai *ciri-ciri Malaysian Malaysia ala Dr Mahathir* terus diterapkan dalam pemikiran dan budaya orang-orang Melayu oleh Dr. Mahathir Mohamad. Semuanya itu terjadi kerana kepimpinan Dr. Mahathir menari mengikut arus iaitu kadang-

kadang bersikap *repressive* kepada penentang-penentang beliau dan di waktu yang lain amat *responsive* kepada tuntutan-tuntutan kaum bukan Melayu. Ini selaras dengan kenyataan berikut “*In practice, authoritarian and democratic characteristics have coexisted within coherent political order in which the government has been both repressive and responsive to pressures from society*”.⁸⁷

⁸⁷ Harold Crouch, *Government and Society in Malaysia*, (St. Leonards: Allen and Unwin Australia Pty Ltd, 1996), m.s 247.